

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB PUAN NOORITA SUAL
KAWASAN : TENOM

SOALAN NO. 370

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini projek pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo di Sabah. Berapa peratus penyiapan projek setakat ini dan adakah benar Kerajaan Persekutuan akan menarik balik kos pembinaan projek ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah merupakan inisiatif berterusan Kerajaan untuk menambahbaik jaringan infrastruktur jalan raya di Sabah yang dilaksanakan secara berfasa. Secara keseluruhan, status kemajuan Fasa 1 Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah sehingga Jun 2020 adalah 32% bagi 11 pakej kerja yang sedang dilaksanakan. Manakala, tiga (3) pakej kerja baharu dan satu (1) pakej kerja melibatkan laluan dari Tawau ke Semporna yang telah ditamatkan kontrak kini sedang ditender yang dijangka akan dimuktamadkan pada tahun ini, menjadikan keseluruhan 15 pakej kerja yang telah komited akan diteruskan pelaksanaannya pada RMKe-11 ini dengan kos dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Pelaksanaan bagi baki 20 pakej kerja Fasa 1 Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah pula adalah tertakluk kepada pertimbangan Kerajaan untuk RMKe-12 dengan turut mengambil kira faktor kewangan.

Sekian, terima kasih.